

HBM/AZ/21/08
20 Januari 2009

SENARAI EDARAN SEPERTI LAMPIRAN

PERTUKARAN GELARAN HAKIM UTAMA KEPADA HAKIM PENGURUS

Adalah saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa setelah berbincang dengan Y.A.A. Ketua Hakim Negara dan Y.A.A. Presiden Mahkamah Rayuan, adalah diputuskan bahawa gelaran **Hakim Utama** ditukarkan kepada **Hakim Pengurus** bagi Mahkamah Tinggi Malaya.

3. Tujuan penukaran gelaran jawatan tersebut adalah untuk meningkatkan penglibatan Hakim Pengurus di dalam urusan pentadbiran kehakiman. Tugas-tugas Hakim Pengurus secara terperinci adalah seperti di Lampiran A.

4. Perlantikan Hakim Pengurus akan dibuat oleh saya berdasarkan kepada kesesuaian dan kebolehan seseorang Y.A. Hakim. Saya berharap dengan perlantikan Hakim Pengurus ini akan dapat membantu badan kehakiman dalam usaha untuk meningkatkan prestasi badan ini.

Sekian, terima kasih.


(DATO' ARIFIN BIN ZAKARIA)
Hakim Besar Malaya

s.k. : -

Y.A.A. Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

SENARAI EDARAN

Y.A.-Y.A. Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi
Semenanjung Malaysia

Semua Hakim Kanan/Hakim
Mahkamah Sesyen
Semenanjung Malaysia

Semua Timbalan Pendaftar/Pegawai Penyelidik/Penolong Kanan
Pendaftar Mahkamah Persekutuan/Mahkamah Rayuan/Mahkamah Tinggi
Semenanjung Malaysia

Semua Majistret
Semenanjung Malaysia

LAMPIRAN A

SENARAI TUGAS HAKIM PENGURUS

1. Mempastikan kelancaran atau kelicinan pentadbiran keadilan (administration of justice).
2. Memantau keadaan pejabat pendaftaran agar tidak berlaku sebarang kelewatan pengembalian dokumen-dokumen kepada pihak-pihak.
3. Mempastikan keadaan bilik fail di setiap Mahkamah dalam keadaan selamat, bersih, teratur dan fail-fail disusun dengan rapi bagi memastikan fail-fail dapat dikesan dengan mudah apabila dikehendaki.
4. Mengadakan mesyuarat bersama-sama Y.A. Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman dan semua pegawai kehakiman dan pendaftar mahkamah sekurang-kurangnya 3 bulan sekali. Salinan minit mesyuarat tersebut hendaklah dipanjangkan ke pejabat Hakim Besar Malaya.
5. Memantau disiplin atau tatakelakuan pegawai-pegawai kehakiman dan kakitangan sokongan.
6. Mempastikan kesemua alasan penghakiman oleh Y.A.Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman, Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret disediakan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Sekiranya berlaku sebarang kegagalan oleh mana-mana Y.A. Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman, Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret hendaklah melaporkannya ke pejabat Hakim Besar Malaya.
8. Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Y.A.A.Hakim Besar Malaya dari masa kesemasa.